

PPST UMS Terima 312 Pelajar Baharu Program Asasi Sains

Terakhir dikemaskini: Isnin, 25 Jun 2018 17:02 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 770

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



ISNIN, 25 JUN - Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST), Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini menerima kemasukan seramai 312 pelajar baharu bagi Program Asasi Sains sesi 2018/2019.

Pengarah PPST, Prof. Madya Dr. Sazmal

Effendy Arshad berkata, kesemua mereka yang berasal dari seluruh negeri di Malaysia telah menjalani Minggu Suai Mesra dan bakal memulakan pengajian dalam Program Asasi Sains di PPST, UMS minggu ini.

“Pihak PPST akan memikul tanggungjawab dan amanah untuk sentiasa mendahulukan agenda universiti dan akan memberikan pendedahan asas sains yang kukuh kepada para pelajar sejajar dengan kemudahan-kemudahan universiti yang telah disediakan,” katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Penutupan MSM di Bangunan PPST.

Sementara itu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin dalam ucapan perasmian berkata, kemasukan ke program Asasi Sains bakal menjadi titik mula memperkukuhkan asas dalam bidang sains dan teknologi sebelum melangkah ke program ijazah kelak.

“Syabas dan tahniah kepada semua pelajar yang terpilih untuk meneruskan pengajian dalam program Asasi Sains di PPST, UMS ini.

“Yakinlah bahawa ini bukanlah tempat persinggahan semata-mata tetapi jadikanlah pengalaman di kampus ini sebagai suatu memori indah untuk bekalan masa hadapan,” katanya.

Teks ucapan beliau disampaikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Mail.

Turut hadir pada majlis tersebut Pengarah Program MSM Sesi 2018/2019 PPST UMS, Nur Hazwani Dahon.